Mohamad Alraziq bin Ramli lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05(SH)-397–10 TAHUN 2021
HADHARIAH SYED ISMAIL, CHE MOHD RUZIMA DAN LIM CHONG FONG HHMR
7 JULAI 2023

B

C

Keterangan — Saksi — Kredibiliti — Hakim Mahkamah Tinggi mensabitkan perayu bersalah atas kesalahan memiliki dadah berbahaya — Sabitan dibuat berasaskan keterangan saksi-saksi pendakwaan — Saksi-saksi pendakwaan memberi keterangan bahawa kata-kata amaran telah diberikan — Sama ada terdapat percanggahan dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan — Sama ada saksi-saksi pendakwaan adalah saksi yang bercakap benar — Sama ada saksi-saksi pendakwaan adalah saksi berintegriti dan boleh dipercayai — Sama ada sabitan ke atas perayu berasaskan keterangan saksi-saksi pendakwaan adalah selamat

D

E

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Kesalahan memiliki dadah berbahaya — Pembelaan bahawa dadah bukan milik perayu — Sama ada saksi-saksi pendakwaan adalah saksi-saksi yang boleh dipercayai — Sama ada kata-kata amaran diberikan — Sama ada elemen milikan dibuktikan — Sama ada elemen pengetahuan dibuktikan berdasarkan reaksi perayu yang terkejut — Sama ada pembelaan perayu adalah rekaan dan tidak boleh dipercayai — Sama ada sabitan selamat — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 6, 37(d) & 37B(1)

F

G

Perayu pada mulanya telah didakwa atas pertuduhan mengedar dadah tetapi pada akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati pertuduhan tersebut tidak dibuktikan sebaliknya kes prima facie telah dibuktikan bagi kesalahan memiliki dadah berbahaya di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Kes pendakwaan adalah berdasarkan keterangan dua orang pegawai polis ('SP2' dan 'SP3') yang menahan kereta perayu dan seterusnya memeriksa kereta tersebut dan menemui ganja seberat 2,940.2g ('dadah tersebut'). Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa perayu mempunyai milikan, kawalan dan jagaan ke atas dadah tersebut berdasarkan fakta-fakta berikut: (a) perayu berada seorang diri di dalam kereta; (b) perayu adalah pemilik kereta tersebut; (c) bungkusan dadah tersebut berada berdekatan dengan perayu; dan (d) berdasarkan keterangan SP2, perayu yang mengambil dan menyerahkan bungkusan dadah tersebut kepada SP2. Bagi elemen pengetahuan pula, HMT menyatakan bahawa reaksi terkejut perayu ketika serbuan menunjukkan perayu mempunyai pengetahuan mengenai

H

I

dadah tersebut. Hakim Mahkamah Tinggi seterusnya membuat dapatan bahawa anggapan di bawah s 37(d) ADB adalah terpakai. Perayu bergantung kepada keterangan rakan perayu ('SD2') dan abang perayu ('SD3') dalam pembelaannya. Perayu menyatakan bahawa tidak lama sebelum dia ditangkap oleh polis, keretanya telah dipinjam oleh rakannya bernama Aroy dan Alia. Aroy telah tertinggal beg plastik (yang kemudiannya didapati mengandungi dadah tersebut) di dalam kereta perayu dan meminta perayu untuk menghantar beg plastik tersebut kepadanya. Perayu menyatakan bahawa beg plastik berisi dadah tersebut adalah milik Aroy. Di akhir kes pembelaan, HMT memutuskan pembelaan perayu tidak boleh dipercayai dan mensabitkan perayu bersalah dan menjatuhkan hukuman 15 tahun penjara dan sepuluh sebatan ke atas perayu. Dalam rayuan semasa, perayu berhujah bahawa HMT telah terkhilf apabila memutuskan bahawa: (a) saksi-saksi pendakwaan iaitu SP2 dan SP3 adalah saksi-saksi yang boleh dipercayai — berkaitan dengan isu ini, perayu berhujah bahawa HMT terkhilaf apabila memutuskan bahawa: (i) SP2 ada memberikan kata-kata amaran; dan (ii) SP2 dan SP3 adalah saksi-saksi yang kredibel sedangkan mereka bukanlah saksi-saksi yang bercakap benar; (b) pendakwaan telah membuktikan elemen pemilikan terhadap perayu; dan (c) pembelaan perayu adalah rekaan dan tidak boleh dipercayai.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu, mengenepikan perintah Mahkamah Tinggi, dan membebaskan dan melepaskan perayu:

(1) Hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf apabila memutuskan bahawa SP2 ada memberikan kata-kata amaran kepada perayu dengan hanya berpegang kepada keterangan lisan SP2 yang dikatakan disokong oleh SP3. Mahkamah mendapati bahawa HMT gagal mengambil kira fakta bahawa SP2 tidak mencatit kata-kata amaran di dalam laporan tangkapan SP2 ('P11') dan dalam pernyataan saksi SP2. Selain itu, mahkamah dapati bahawa kata-kata amaran yang diberikan oleh SP3 dalam keterangan lisan di mahkamah bukanlah kata-kata amaran, tetapi berbentuk satu pertanyaan. Oleh itu, keterangan SP3 tidak menyokong keterangan SP2. Ini menunjukkan bahawa versi pembelaan bahawa amaran tidak diberikan adalah benar. Selain itu, kata-kata amaran yang kononnya dibacakan oleh SP2 itu juga tidak menepati kehendak s 37B(1) ADB kerana tidak dinyatakan dengan jelas bahawa perayu boleh mendiamkan diri (lihat perenggan 30–31).

(2) Dengan terbuktinya bahawa kata-kata amaran tidak dibacakan, bukan sahaja perayu telah dinafikan haknya di bawah undang-undang, tetapi juga keterangan SP2 dan SP3 bahawa kononnya perayu menjawab ada barang salah di dalam kereta adalah keterangan yang tidak boleh diterima masuk. Mahkamah juga mendapati bahawa keterangan lisan SP2 bahawa dia ada bertanya kepada perayu tentang kandungan beg plastik tersebut dan bahawa perayu telah mengambil dan menyerahkan beg plastik tersebut kepada SP2 secara sukarela adalah bercanggah dengan P11. SP3

pula pada mulanya memberikan keterangan yang mengesahkan bahawa SP2 tidak bertanya tentang kandungan beg plastik tersebut tetapi kemudiannya telah menukar keterangannya kepada yang sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa SP2 dan SP3 bukanlah saksi-saksi yang bercakap benar. Oleh itu, HMT terkhilaf apabila memutuskan bahawa SP2 dan SP3 adalah saksi-saksi yang berintegriti. Memandangkan keterangan SP2 dan SP3 mengenai fakta-fakta material telah ditolak, maka sabitan perayu yang berasaskan keterangan mereka adalah tidak selamat. Atas alasan ini sahaja, rayuan perayu harus dibenarkan (lihat perenggan 32–37 & 39–40).

(3) Mahkamah mendapati bahawa HMT telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa perayu mempunyai pengetahuan hanya kerana perayu kelihatan terkejut. Mahkamah bersetuju dengan perayu bahawa HMT telah gagal mempertimbangkan merit pembelaan perayu. Pembelaan perayu bahawa keretanya dipinjam oleh Aroy bukanlah suatu pembelaan yang tidak munasabah. Keterangan SD2 dan SD3 menyokong keterangan perayu bahawa penama Aroy ini memang wujud. Maka, versi pembelaan bahawa Aroy telah tertinggal beg plastik berisi dadah tersebut di dalam kereta atau Aroy telah meletakkan beg plastik tersebut di dalam kereta untuk menganiaya perayu adalah kemungkinan yang tidak boleh ditolak memandangkan serbuan dibuat setengah jam selepas maklumat diterima dan ini konsisten dengan versi perayu bahawa kereta dipinjam oleh Aroy untuk tempoh yang singkat sahaja. Mengambil kira pembelaan perayu ini bersama-sama dengan tingkahlaku perayu yang tidak meronta atau melawan semasa ditangkap membolehkan inferen dibuat bahawa perayu tidak tahu bahawa barang yang berada di dalam kereta tersebut adalah dadah. Tanpa pengetahuan, pemilikan tidak dibuktikan. Berdasarkan sebab-sebab di atas, mahkamah mendapati sabitan ke atas perayu adalah tidak selamat (lihat perenggan 47–49).

[English summary

The appellant was initially charged with drug trafficking but at the end of the prosecution case, the High Court judge ('HCJ') found that the charge was not proven but rather a prima facie case was proven for the offence of drugs possession under s 6 of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA'). The prosecution case was based on the testimony of two police officers ('SP2' and 'SP3') who stopped the appellant's car and then conducted a search in the car and found 2,940.2g of cannabis ('the drug'). The High Court judge ruled that the appellant had possession, control and custody of the drug based on the following facts: (a) the appellant was alone in the car; (b) the appellant was the owner of the car; (c) the drug package was close to the appellant; and (d) based on SP2's testimony, the appellant himself had taken the drug package and handed the same to SP2. As for the element of knowledge, the HCJ stated that

A the appellant's surprise reaction during the raid showed that the appellant had knowledge about the drug. The HCJ went on to find that the presumption under s 37(d) of the DDA was applicable. The appellant relied on the testimony of the appellant's friend ('SD2') and the appellant's brother ('SD3') in his defence. The appellant stated that shortly before he was arrested by the B police, his car was borrowed by his friends named Aroy and Alia. Aroy had left a plastic bag (which was later found to contain the drug) in the appellant's car and asked the appellant to send the plastic bag to him. The appellant stated that the plastic bag containing the drugs belonged to Aroy. At the end of the defence case, the HCJ decided that the appellant's defence was not credible and found C the appellant guilty and sentenced the appellant to 15 years imprisonment and ten strokes of whipping. In the present appeal, the appellant argued that the HCJ erred in holding that: (a) the prosecution witnesses namely SP2 and SP3 were credible witnesses — in relation to this issue, the appellant argued that the HCJ erred in finding that: (i) SP2 had given cautioned statement; and (ii) SP2 D and SP3 were credible witnesses when in reality they were not truthful witnesses; (b) the prosecution had proved the element of possession against the appellant; and (c) the appellant's defence was fictitious and unreliable.

E **Held**, allowing the appellant's appeal, setting aside the order of the High Court, and acquitting and discharging the appellant:

(1) The HCJ erred when he decided that SP2 had given a cautioned statement to the appellant by only relying on SP2's oral testimony which was said to be supported by SP3. The court found that the HCJ failed to F take into account the fact that SP2 did not write down the cautioned statement in SP2's arrest report ('P11') and in SP2's witness statement. In addition, the court found that the cautioned statement given by SP3 in his oral testimony in court was not really a cautioned statement, but rather in the form of a question. Therefore, the testimony of SP3 did not G support the testimony of SP2. This showed that the defence version that no caution was given was true. In addition, the cautioned statement that was allegedly read by SP2 also did not comply with the requirements of s 37B(1) of the DDA because it was not clearly stated that the appellant could remain silent (see paras 30–31).

H (2) When it was established that the cautioned statement was not given, not only was the appellant being denied of his rights under the law, but also the testimony of SP2 and SP3 that the appellant had allegedly replied that there were wrong items in the car was inadmissible in evidence. The court also found that SP2's oral testimony that he had asked the appellant I about the contents of the plastic bag and that the appellant had taken and handed over the plastic bag to SP2 voluntarily was contrary to P11. SP3 initially gave testimony confirming that SP2 did not ask about the contents of the plastic bag but later changed his testimony to the opposite. This showed that SP2 and SP3 were not truthful witnesses.

Therefore, the HCJ erred in deciding that SP2 and SP3 were witnesses of integrity. Since the testimony of SP2 and SP3 on material facts had been rejected, the appellant's conviction based on their testimony was unsafe. On this ground alone, the appellant's appeal should be allowed (see paras 32–37 & 39–40).

(3) The court found that the HCJ erred in finding that the appellant had knowledge just because the appellant appeared shocked. The court agreed with the appellant that the HCJ had failed to consider the merits of the appellant's defence. The appellant's defence that his car was borrowed by Aroy was not an unreasonable defence. The testimony of SD2 and SD3 supported the appellant's testimony that the name Aroy did exist. Therefore, the defence's version that Aroy had left the plastic bag containing the drug in the car or that Aroy had put the plastic bag in the car to persecute the appellant was a possibility that could not be rejected considering that the raid was made half an hour after the information was received and this was consistent with the appellant's version that the car was borrowed by Aroy only for a short period of time. Taking into account the appellant's defence together with the appellant's behavior of not struggling or resisting when arrested, an inference could be made that the appellant did not know that the items in the car were drugs. Without knowledge, possession was not proven. Based on the above reasons, the court found that the appellant's conviction was unsafe (see paras 47–49).]

Kes-kes yang dirujuk

Francis Antonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 CLJ 481, MP (dirujuk)
Low Thiam Teck v PP [2015] 3 MLJ 134; [2014] 1 LNS 1104, MR (dirujuk)
Ngu Chee Wui v PP [2016] 6 MLJevi 190; [2015] 9 CLJ 562, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 6, 37(d), 37A(1), 37B(1), 39A(2), 39B(1)(a), Jadual Pertama

Rayuan daripada: *Public Prosecutor v Mohamad Alraziq bin Ramli* [2021] MLJU 893 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Syaheera Rosli (Hanif & Co) bagi pihak perayu.
Noor Hisham (Aznee Salmie bt Ahmad bersamanya) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Hadhariah Syed Ismail HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENGENALAN

[1] Perayu telah disabitkan dengan suatu pertuduhan pindaan di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama dan dikenakan hukuman 15 tahun penjara dan sepuluh sebatan.

[2] Ini adalah rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman.

[3] Rayuan perayu telah didengar oleh kami pada 16 Mac 2023. Pada tarikh yang sama, kami sebulat suara membenarkan rayuan perayu. Kami mengenepikan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi. Perayu dibebas dan dilepaskan.

PERTUDUHAN PINDAAN

> Bahawa kamu pada 26 Mac 2019, jam lebih kurang 10.15 malam, ditepi jalan kawasan belakang pusat membeli belah Quill City Mall, Jalan Sultan Ismail, dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memiliki dadah berbahaya jenis cannabis berat bersih 2940.2g dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama.

KES PENDAKWAAN

[4] Pada 26 Mac 2019 jam lebih kurang 10.15 malam, Insp Mohd Haszaruddin bin Kamaruzzaman ('SP2') bersama pasukannya dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur telah menahan sebuah kereta jenis Mitsubishi Lancer dengan nombor pendaftaran WTF 1013 di tepi jalan kawasan belakang pusat membeli belah Quill City Mall, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur kerana disyaki terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah.

[5] Selepas kereta ditahan, SP2 mengarahkan pemandu untuk menurunkan tingkap kereta. Selepas tingkap dibuka dari dalam, didapati pemandu adalah seorang lelaki Melayu iaitu perayu ('OKT'). SP2 memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis dengan menunjukkan kad kuasa kepada perayu. Hanya perayu seorang sahaja yang berada di dalam kereta. SP2 menyuruh perayu mematikan enjin kereta dan keluar dari kereta. SP2 menjalankan pemeriksaan badan ke atas perayu dan tidak menjumpai apa-apa barang salah.

[6] SP2 telah bertanya kepada perayu sama ada perayu ada menyimpan apa-apa barang salah atau tidak. Perayu kononnya memberitahu SP2 'ada

didalam kereta disebelah tempat duduk penumpang hadapan sebelah kiri kereta'. SP2 kemudiannya mengarahkan perayu untuk mengambilnya. Perayu telah mengambil satu beg galas plastik berwarna putih bertulis 'King of Trainers JD' (eksh P13) dari tempat duduk penumpang hadapan dan menyerahkannya kepada SP2.

[7] Setelah dibuat pemeriksaan, SP2 mendapati di dalam beg tersebut terdapat tiga ketulan mampat daun kering yang dibalut dengan plastik lutsinar yang disyaki ganja. Tiga ketulan mampat ini dirampas oleh SP2 dan perayu ditangkap. Perayu dan barang yang dirampas dibawa balik ke Balai Polis Dang Wangi.

[8] Tiga ketulan mampat daun kering yang dirampas dari dalam kereta perayu telah dianalisa oleh ahli kimia ('SP4') dan disahkan adalah dadah jenis cannabis dengan berat 2,940.2g. Cannabis adalah dadah berbahaya di dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Oleh itu, perayu dituduh dengan kesalahan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta yang sama.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[9] Di akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati pendakwaan telah gagal membuktikan pengedaran. Sebaliknya, HMT berpuas hati bahawa suatu kes prima facie telah dibuktikan di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan meminda pertuduhan.

[10] HMT memutuskan bahawa perayu mempunyai milikan, kawalan dan jagaan ke atas dadah yang dijumpai di dalam kereta dengan mengambil kira fakta-fakta berikut:

(a) perayu berada seorang diri di dalam kereta;

(b) perayu adalah pemilik kereta (kereta didaftarkan atas nama perayu);

(c) bungkusan dadah (P13) berada berdekatan dengan perayu; dan

(d) perayu yang mengambil dan menyerahkan bungkusan dadah kepada SP2.

[11] Mengenai pengetahuan, HMT menyatakan:

> [37] Seterusnya, mahkamah membuat dapatan bahawa OKT dalam keadaan terkejut ketika serbuan adalah jelas menunjukkan OKT mempunyai pengetahuan mengenai barang kes tersebut (merujuk kepada kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717). Mahkamah menolak versi yang dihujahkan oleh pembelaan bahawa adalah mustahil untuk OKT mengetahui isi kandungan dalam beg tersebut kerana beg itu dalam keadaan bertutup. Mengambil

kira fakta serta bukti yang dikemukakan oleh pendakwaan, mahkamah membuat dapatan bahawa tiada pihak ketiga lain yang hadir sewaktu serbuan dan adalah ragu-ragu untuk OKT menyatakan bahawa OKT tidak tahu menahu mengenai barang tersebut walhal fakta terbukti bahawa barang itu berada dalam kereta OKT sendiri (merujuk kepada kes *Zulfikar bin Mustaffah v Public Prosecutor* [2001] 1 SLR 633). Dengan itu, menerima pakai nas-nas tersohor yang telah dikemukakan di atas, mahkamah membuat dapatan bahawa anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah terpakai dalam kes ini. Pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen milikan dan pengetahuan terhadap barang kes (eksh P13, P20a, P20b dan P20c) yang dirampas daripada OKT waktu serbuan dilakukan oleh SP2 dan pasukannya.

[12] Perayu dipanggil membela diri.

KES PEMBELAAN

[13] Saksi-saksi pembelaan yang tampil memberi keterangan ialah perayu, rakan perayu, Abdah Muharam bin Mohd Abas ('SD2') dan abang perayu, Mohd Raimi bin Ramli ('SD3'). Pembelaan perayu ialah tidak lama sebelum kejadian tangkapan berlaku, kereta beliau telah dipinjam oleh rakannya bernama Aroy dan Alia. Bahawa beg plastik berisi dadah itu adalah milik Aroy. Dan Aroy telah tertinggal beg plastik tersebut didalam kereta perayu dan telah meminta perayu menghantar beg plastik itu kepadanya di belakang Quill City Mall.

[14] SD2 mengesahkan pada malam berkenaan, Aroy dan Alia ada bersama perayu, SD2 dan Firdaus Oyong di restoran Laman Aiman dan Aroy telah meminjam kereta perayu sekejap untuk pergi ke Quill City Mall. Selepas Aroy memulangkan kereta perayu, SD2 melihat perayu menerima panggilan talipon daripada Aroy meminta perayu menghantar barang Aroy yang tertinggal di dalam kereta perayu ke belakang Quill City Mall.

[15] SD3 pula memberi keterangan bahawa beliau mengenali Firdaus Oyong dan Aroy. Menurut SD3, Firdaus Oyong telah memaklumkan kepadanya bahawa pada malam kejadian, perayu datang ke restoran bersama Aroy dan Alia.

[16] Di akhir kes pembelaan, HMT memutuskan pembelaan perayu tidak boleh dipercayai dan mensabitkan perayu dengan kesalahan.

RAYUAN

[17] Perayu membangkitkan tiga isu berikut:

(a) hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila memutuskan saksi pendakwaan iaitu SP2 dan SP3 adalah saksi-saksi yang boleh dipercayai;

(b) hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila memutuskan pendakwaan telah membuktikan elemen pemilikan terhadap perayu; dan

(c) hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf apabila memutuskan pembelaan perayu adalah rekaan dan tidak boleh dipercayai.

KREDIBILITI SP2 DAN SP3

[18] SP2 ialah Inspektor Mohd Haszaruddin. SP3 ialah D/Koperal Mansor bin Mat Sahat. Kedua-dua saksi ini telah memberi keterangan bahawa SP2 ada memberikan kata-kata amaran kepada perayu sebelum perayu menjawab 'ada barang salah dalam kereta' dan juga perayu kononnya tahu beg plastik yang dijumpai dalam kereta mengandungi ganja. HMT menerima keseluruhan keterangan SP2 dan SP3.

[19] Komplen perayu ialah HMT telah terkhilaf apabila memutuskan: (i) SP2 ada memberikan kata-kata amaran; dan (ii) SP2 dan SP3 adalah saksi-saksi yang boleh dipercayai. Perayu menghujahkan SP2 dan SP3 bukanlah saksi-saksi yang bercakap benar. Mereka telah menokok tambah keterangan dan sebenarnya kata-kata amaran tidak diberikan.

[20] Adalah suatu fakta yang tidak dipertikaikan oleh pendakwaan bahawa dalam report tangkapan yang dibuat oleh SP2 ('P11') dan dalam pernyataan saksi SP2 ('WSSP2'), SP2 tidak menyebut kata-kata amaran ada dibacakan kepada perayu. SP3, dalam pernyataan saksinya ('WSSP3') juga tidak menyebut SP2 ada memberi kata-kata amaran kepada perayu.

[21] Pada masa rayuan ini didengar di hadapan panel ini, Timbalan Pendakwa Raya bersetuju (*concede*) bahawa kata-kata amaran seperti yang dikehendaki di bawah s 37B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 (dahulu ialah s 37A(1)) perlu dibacakan kepada perayu sebelum perayu boleh membuat pengakuan.

[22] Seksyen 37B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan:

> (1) Where any person is charged with any offence against this Act any statement, whether such statement amounts to a confession or not or is oral or in writing, made at any time, whether before or after such person is charged and whether in the

course of a police investigation or not and whether or not wholly or partly in answer to questions, by such person to or in the hearing of any police officer of or above the rank of Inspector or any senior officer of customs and whether or not interpreted to him by any other police officer or senior officer of customs or any other person concerned or not in the arrest, shall notwithstanding anything to the contrary contained in any written law, be admissible at his trial in evidence and, if such person tenders himself as a witness, any such statement may be used in cross-examination and for the purpose of impeaching his credit:

Provided that no such statement shall be admissible or used as aforesaid:

(a) if the making of the statement appears to the Court to have been caused by any inducement,threat or promise having reference to the charge against such person, proceeding from a person in authority and sufficient in the opinion of the Court to give such person grounds which would appear to him reasonable for supposing that by making it he would gain any advantage or avoid any evil of a temporal nature in reference to the proceeding against him; or

(b) in the case of a statement made by such person after his arrest, unless the court is satisfied that a caution was administered to him in the following words or words to the like effect:

It is my duty to warn you that you are not obliged to say anything or to answer any question, but anything you say, whether in answer to a question or not, may be given in evidence.

Provided that a statement made by any person before there is time to caution him shall not be rendered inadmissible in evidence merely by reason of no such caution having been given if it has been given as soon as possible.

[23] Dalam kes *Ngu Chee Wui v Public Prosecutor* [2016] 6 MLJevi 190; [2015] 9 CLJ 562 yang dirujuk oleh peguam perayu kepada kami, Mahkamah Rayuan menyatakan prinsip undang-undang berikut:

(a) adalah tidak memadai untuk pegawai polis menyatakan amaran ada diberikan tanpa menyebut perkataan-perkataan sebenar yang dikatakan;

(b) bahawa sama ada amaran yang betul mengikut kehendak Akta telah diberikan mestilah ditentukan daripada perkataan-perkataan sebenar yang digunakan oleh pegawai polis; dan

(c) kata-kata amaran yang betul dan tepat mengikut kehendak Akta harus diberikan supaya hak orang kena tuduh untuk berdiam diri disampaikan dengan berkesan.

[24] Dalam kes *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 CLJ 481, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

It can therefore be seen that the satisfaction of the court on the administration of the caution goes to the very root of the admissibility of a statement that had been made. What requires consideration is whether a mere reading of the caution will amount to the court being 'satisfied' that it had been administered ...

[25] Semasa di Mahkamah Tinggi, SP2 memberi keterangan bahawa beliau kononnya ada memberi kata-kata amaran, tetapi terlupa untuk mencatitnya didalam P11. Ketika disoal balas oleh peguam perayu, SP2 memberitahu beliau membacakan amaran yang berbunyi seperti berikut:

Adalah menjadi kewajipan saya untuk memberi kata-kata amaran kepada kamu dan kamu tidaklah diwajibkan memberikan kata apa-apa dan apa-apa yang kamu katakan adalah menjadi keterangan di mahkamah.

[26] Beralih kepada keterangan SP3. Semasa membaca pernyataan saksi beliau ('WSSP3') di mahkamah, SP3 telah menambah dengan tulisan tangan perkataan-perkataan berikut 'Pengadu telah bacakan kata-kata amaran kepada saspek' kepada perenggan 3 WSSP3.

[27] Seterusnya, SP3 memberitahu mahkamah SP2 telah kononnya membacakan amaran yang berbunyi seperti berikut:

Ada tak menyimpan apa-apa barang salah

[28] SP3 telah disoalbalas oleh peguam perayu dengan soalan berikut:

S: Adakamu dengar atau nampak Insp. Mohd Haszaruddin beritahu saspek 'kamu tak perlu jawap pun', ada?

J: Tidak

[29] HMT memutuskan SP2 ada memberikan kata-kata amaran kepada perayu seperti yang dinyatakan di para [36] penghakiman:

[36] Versi pembelaan adalah SP2 tidak pernah memberikan kata-kata amaran kepada OKT, jika diperhalusi keterangan bersumpah SP2, beliau tidak bersetuju dalam pemeriksaan balas oleh pembelaan bahawa kata-kata amaran tidak diberikan kepada OKT dan menegaskan dalam pemeriksaan semula bahawa kata-kata amaran tersebut ada diberikan kepada OKT. Keterangan SP3 juga menyokong SP2 bahawa kata-kata amaran telah diberikan kepada OKT. Oleh itu, tiada keraguan terhadap keterangan SP2 dan SP3 untuk mahkamah ini menerimanya secara menyeluruh dan mahkamah melihat tiada percanggahan material yang boleh mencalarkan dan menjejaskan keseluruhan kes pendakwaan terhadap OKT. Adalah jelas di sini bahawa SP2 memberikan kata-kata amaran kepada OKT sewaktu serbuan dijalankan.

[30] Setelah meneliti keterangan SP2 dan SP3 mengenai isu kata-kata amaran, kami bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa HMT telah

terkhilaf bila memutuskan SP2 ada memberikan kata-kata amaran kepada perayu dengan hanya berpegang kepada keterangan lisan SP2 dan keterangan SP2 dikatakan disokong oleh SP3. Kami mendapati HMT gagal mengambil kira fakta bahawa SP2 tidak mencatit kata-kata amaran ini didalam P11 dan WSSP2. Ini menunjukkan versi pembelaan bahawa amaran tidak diberikan adalah benar. Nas undang-undang yang dirujuk jelas menyatakan adalah penting untuk kata-kata amaran yang sebenar yang dibacakan dicatit untuk membolehkan mahkamah menentukan sama ada amaran yang berkesan mengikut kehendak s 37B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 disampaikan kepada OKT. Dalam kes ini, oleh kerana kata-kata amaran tidak dicatit, adalah jelas bahawa SP2 telah mereka-reka kata-kata amaran itu kemudian setelah beliau sedar amaran ini adalah keperluan mandatori. Kata-kata amaran yang kononnya dibacakan oleh SP2 itu juga tidak menepati kehendak s 37B(1) kerana tidak dinyatakan dengan jelas bahawa perayu boleh mendiamkan diri. Fakta ini disahkan oleh SP3. Adalah amat diragui bahawa perayu memahami kata-kata amaran yang kononnya dibacakan oleh SP2.

[31] Seterusnya, kami juga mendapati HMT juga terkhilaf apabila memutuskan keterangan SP3 menyokong keterangan SP2. Kami mendapati keadaan adalah sebaliknya. Kata-kata amaran yang diberikan SP3 dalam keterangan lisan di mahkamah bukanlah kata-kata amaran, tetapi berbentuk satu pertanyaan. Keterangan SP3 jelas membuktikan kata-kata amaran tidak dibacakan oleh SP2 dan SP3 sendiri tidak faham amaran. Kesemua perkara ini tidak dipertimbangkan oleh HMT. Jika HMT membuat penilaian yang betul, beliau sewajarnya menolak keterangan SP3 mengenai amaran. Dengan tertolaknya keterangan SP3, tidak ada keterangan sokongan kepada keterangan SP2 mengenai kata-kata amaran.

[32] Dengan terbuktinya bahawa kata-kata amaran tidak dibacakan, bukan sahaja perayu telah dinafikan haknya di bawah undang-undang, tetapi juga keterangan SP2 dan SP3 bahawa kononnya perayu menjawab ada barang salah didalam kereta adalah keterangan yang tidak boleh diterima masuk. Oleh itu, HMT telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila menerima masuk keterangan SP2 dan SP3 mengenai pernyataan yang kononnya dibuat oleh perayu.

[33] Tidak berhenti setakat isu amaran. SP2 dan SP3 juga didapati tidak bercakap benar apabila mereka memberi keterangan bahawa perayu mengaku beg plastik itu berisi ganja. Di dalam report tangkapan ('P11'), SP2 tidak pernah bertanya kepada perayu 'apa benda yang ada didalam beg plastik'.

[34] Tetapi, semasa memberi keterangan lisan di mahkamah, SP2 memberitahu beliau kononnya ada bertanya kepada perayu apa benda dalam beg plastik ini dan perayu kononnya menjawab 'ganja'.

[35] SP3 pada mulanya memberi keterangan mengesahkan bahawa SP2 tidak tanya ganja kepada perayu dan perayu juga tidak cakap ganja. SP3 kemudiannya menukar jawapan dengan mengatakan SP2 ada bertanya kepada perayu barang apa dan perayu kononnya jawab ganja.

[36] Seterusnya, SP2 memberi keterangan bahawa beliau tidak menyuruh perayu mengambil beg plastik berisi dadah. Sebaliknya, perayu dikatakan secara sukarela telah mengambil dan menyerahkan beg plastik tersebut kepada SP2.

[37] Untuk sekelian kalinya, kami mendapati keterangan SP2 ini bercanggah dengan report tangkapan ('P11'). Dalam P11, tujuh baris dari bawah, SP2 menyebut dengan jelas 'Saya arahkan saspek untuk mengambil dan saspek telah mengambil (1) beg plastik berwarna putih bertulis 'KING OF TRAINERS JD' dari atas tempat duduk bahagian penumpang hadapan sebelah kiri kereta dan serah kepada saya dengan tangan kanannya'.

[38] Menyentuh isu kredibiliti SP2 dan SP3, HMT menyatakan:

> [33] Keterangan bersumpah SP2 menyatakan bahawa setelah ditahan oleh pihak polis, SP2 bertanyakan kepada OKT ('perayu') sama ada OKT ada menyimpan apa-apa barang salah dan OKT memberitahu ada di dalam kereta disebelah tempat duduk penumpang hadapan sebelah kiri kereta. Mahkamah menerima penuh dan mempercayai keterangan SP2 dan SP3. Mahkamah berfikir tiada alasan untuk SP2 dan SP3 mereka-reka keterangan atau berniat ingin memerangkap OKT. Mahkamah berpendapat SP2 dan SP3 adalah saksi yang boleh dipercayai dan berintegriti.

[39] Dengan memberikan keterangan yang bercanggah dengan P11 dalam perkara-perkara yang material, kami mendapati SP2 dan SP3 bukanlah saksi yang bercakap benar dan tidak boleh dipercayai. Mereka sanggup menokok tambah dan mereka keterangan semata-mata untuk mendapatkan sabitan terhadap perayu. Perbuatan SP2 dan SP3 menunjukkan mereka tidak berintegriti. Oleh itu, kami mendapati HMT untuk sekalian kalinya terkhilaf apabila memutuskan SP2 dan SP3 adalah saksi-saksi yang berintegriti. Dapatan fakta HMT ini adalah bertentangan dengan keterangan.

[40] Bila keterangan SP2 dan SP3 mengenai fakta-fakta material ditolak, kami berpendapat sabitan perayu yang berasaskan kepada keterangan SP2 dan SP3 adalah tidak selamat. Atas alasan ini sahaja, rayuan perayu harus dibenarkan.

A PEMILIKAN DAN PEMBELAAN

[41] Kedua-dua isu didengar bersekali kerana berkaitan antara satu sama lain.

B **[42]** Dalam memutuskan elemen pemilikan telah dibuktikan oleh pendakwaan, HMT telah bergantung kepada fakta-fakta berikut:

(a) pernyataan perayu kepada SP2 apabila ditanyakan sama ada perayu ada menyimpan apa-apa barang salah;

C (b) semasa serbuan, hanya perayu seorang sahaja berada di dalam kereta;

(c) kereta didaftarkan atas nama perayu;

(d) dadah berada disebelah tempat duduk perayu; dan

D (e) reaksi terkejut perayu ketika serbuan menunjukkan perayu mempunyai pengetahuan mengenai barang kes.

[43] Peguambela perayu menghujahkan fakta bahawa perayu terkejut dan dadah terletak berhampiran dengan perayu adalah tidak mencukupi untuk E menunjukkan perayu mempunyai pengetahuan terhadap barang kes. Keseluruhan fakta kes harus diambil kira. Dalam kes ini, kereta perayu telah disekat (*block*) dari arah hadapan dan belakang oleh pihak polis. Sesiapa pun dalam kedudukan perayu akan berasa terkejut. Fakta ini disetujui oleh SP2. F Seterusnya, SP2 juga setuju bahawa perayu bukan sahaja tidak cuba melarikan diri, malah memberi kerjasama yang baik kepada polis. Perayu merujuk kami kepada kes *Low Thiam Teck v Pendakwa Raya* [2015] 3 MLJ 134; [2014] 1 LNS 1104.

G **[44]** Dalam kes *Low Thiam Teck*, dadah dijumpai dibahagian brek tangan di dalam kereta yang dipandu oleh perayu. Dalam kes itu, keterangan saksi pendakwaan ialah perayu kelihatan terkejut. Tetapi, hakim Mahkamah Tinggi membuat inferen perayu ketakutan. Di peringkat rayuan, Mahkamah Rayuan memutuskan adalah munasabah untuk perayu terkejut bila diserbu oleh polis H yang bersenjatakan pistol. Seterusnya, mahkamah juga memutuskan tanpa ada apa-apa keterangan sokongan, adalah tidak selamat untuk mahkamah membuat inferen pengetahuan semata-mata dengan bersandarkan kepada 'demeanour' perayu sahaja.

I **[45]** Dalam kes di hadapan kami, walaupun hanya perayu seorang sahaja berada di dalam kereta bersama barang kes semasa serbuan, SP2 mengakui kereta bergerak perlahan dan perayu memberi kerjasama yang baik kepada polis. SP2 menerima maklumat mengenai kereta yang akan digunakan oleh pengedar dadah pada jam 9.45 malam. Serbuan dibuat pada jam 10.15 malam.

Tidak ada pemerhatian awal dibuat terhadap kereta. Pembelaan perayu ialah kereta itu telah dipinjamkan kepada kawan perayu bernama 'Aroy'. Kami bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa mahkamah tidak boleh menolak kemungkinan-kemungkinan berikut:

(a) bahawa dadah itu telah diletak oleh 'Aroy';

(b) pemberi maklumat telah melihat dadah di dalam kereta sebelum memberi maklumat kepada SP2; dan

(c) dadah itu diletakkan oleh pemberi maklumat untuk menganiaya perayu.

[46] Dalam kes ini, SP2 bersetuju bahawa perayu telah memberitahu beliau ('SP2') bahawa kereta itu telah dipinjamkan kepada 'Aroy' dan 'Alia'. Tetapi, penama Aroy dan Alia ini dianggap sebagai rekaan sahaja dan SP2 tidak memaklumkannya kepada pegawai penyiasat.

[47] Pada pendapat kami, pembelaan perayu bahawa keretanya dipinjam oleh 'Aroy' bukanlah suatu pembelaan yang tidak munasabah. Keterangan SD2 dan SD3 menyokong keterangan perayu bahawa penama Aroy ini memang wujud. Maka, versi pembelaan bahawa Aroy telah tertinggal barang di dalam kereta atau Aroy telah meletak barang tersebut di dalam kereta untuk menganiaya perayu adalah kemungkinan yang tidak boleh ditolak kerana serbuan dibuat setengah jam selepas maklumat diterima dan konsisten dengan versi perayu bahawa kereta dipinjam oleh Aroy untuk tempoh yang singkat sahaja. Ditambah dengan tingkah laku perayu yang tidak meronta atau melawan semasa ditangkap membolehkan inferen dibuat bahawa perayu tidak tahu barang yang berada didalam kereta itu adalah dadah. Tanpa pengetahuan, pemilikan tidak dibuktikan.

[48] Atas fakta kes ini, kami mendapati HMT telah terkhilaf apabila memutuskan perayu mempunyai pengetahuan hanya kerana perayu kelihatan terkejut. Kami bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa HMT gagal mempertimbangkan merit pembelaan perayu.

KEPUTUSAN KAMI

[49] Atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, kami mendapati sabitan ke atas perayu adalah tidak selamat. Oleh itu, rayuan perayu dibenarkan. Perintah Mahkamah Tinggi diketepikan. Perayu dibebas dan dilepaskan.

A *Rayuan perayu dibenarkan; perintah Mahkamah Tinggi diketepikan; perayu dibebas dan dilepaskan.*

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

B

C

D

E

F

G

H

I